

'Raja Pop' tetap dikenang

BH 27 Jun 2009 p. 36

Mampu cipta
histeria
di mana saja
kakinya
melangkah

'Raja Pop' Michael Jackson

Legenda muzik yang mencatatkan jualan 750 juta sepanjang kerjayanya

1958	Lahir pada 29 Ogos di Gary, Indiana	1994	Mengahwini Lisa Marie Presley, anak perempuan Elvis; bercerai dua tahun kemudian
1962	Mula kerjaya dengan kumpulan Jackson Five dianggotai adik beradiknya	1996	Mengahwini Debbie Rowe, ibu kepada dua orang anaknya; bercerai tiga tahun kemudian
1969	Jackson Five mencipta kejayaan dengan lagu hit "ABC" dan "I'll Be There"	2001	Kelahiran anak ketiganya menggunakan perkhidmatan ibu tumpang
1978	Kerjaya solo bermula bersama produser Quincy Jones		

Susunan Zul Husni Abdul Hamid
bhnews@bharian.com.my

DIRINYA akan terus dikenang sebagai penghibur memiliki bakat luar biasa. Dia melewati kehidupan yang tragis, diasak tekanan populariti ketika zaman kecil namun akhir hidupnya dilingkari kontroversi gara-gara berkelakuan aneh serta didakwa melakukan penderaan seksual terhadap kanak-kanak.

Michael Jackson membentuk legasi seni yang unggul hingga dilabel peminat sebagai Raja Pop, melakar kejayaan menerusi lagu popular seperti *Beat It* dan *Thriller* - semua itu tinggal kenangan yang diharap membayangi kisah peribadinya yang memusnahkan reputasi ketika akhir hayatnya.

Mengimbas perjalanan seninya seakan memutarakan semula rakaman kehebatan seorang in-

1979

"Off The Wall"

1982

"Thriller"

1987

"Bad"

Skandal

1993 Didakwa mencabul kanak-kanak 13 tahun; diselesaikan di luar mahkamah

2002 Menjulang anak ketiganya di luar balkoni

2003 **Januari**
Disaman syarikat lelong Sotheby's kerana gagal membayar RM6.12 juta untuk pembelian dua lukisan

Februari

Menyelesaikan di luar mahkamah saman RM46.8 juta oleh pengurusnya.

2001

"Invincible"

1995

"HIStory"

1991

"Dangerous"

Dalam sebuah dokumentari TV, Jackson mengakui berkongsi katil dengan kanak-kanak

18 November

Polis menyerbu kediaman Neverland milik Jackson

Disember

Didakwa secara rasmi atas tuduhan mencabuli kanak-kanak

2005 Didapati tidak bersalah atas semua tuduhan mencabul kanak-kanak



san yang mampu mencipta hit, tertera di mana saja kakinya melangkah.

Dia diingati kerana gerak tarinya, malah keunikan vokal miliknya membezakan dia dengan penyanyi kulit hitam hebat seperti Marvin Gaye dan James Brown.

Sejak usia empat tahun lagi, Michael sudah berdiri sebagai penyanyi utama kumpulan lima bersaudara, The Jackson 5 yang turut dianggotai empat abangnya.

Selepas memenangi pertandingan nyanyian dan dikenali di daerah kelahiran, bakat mereka dikesan Gladys Knight yang membawa The Jackson 5 menyertai label Motown Records milik Berry Gordy.

Setahun selepas rakaman, *The Jackson 5* melahirkan single pertama mereka, *I Want You Back* pada November 1969, seterusnya mendaki carta di Amerika Syarikat.

Selepas tujuh tahun, The Jackson 5 terus membesar dengan menghasilkan 13 album lain malah mempunyai siri kartun berdasarkan kisah mereka.

Pada 1976, mereka mengunduri diri daripada Motown dan menyertai Epic Records di bawah nama The Jacksons.

Bagaimanapun, Michael berpindah ke New York setahun selepas itu untuk berlakon *The Wizard of Oz* yang turut dibintangi Diana Ross. Ketika itu dia berusia 21 tahun.

Dia berkawan baik dengan pengarah muzikal filem itu, Quincy Jones seterusnya bekerjasama dalam penerbitan yang meraih ke-



JACKSON bersama peminat ketika mengadakan konsert di Kuala Lumpur pada 1996.

ayaan besar kepada Michael pada 1979 iaitu *Off The Wall*.

Album ini juga menjadi detik permulaan kejayaan kerjaya solo-Michael dan memperlahankan aktiviti nyanyian bersama The Jacksons.

Ketika itu juga, Michael menemui kekuatan sebagai penulis lagu menerusi single, *Don't Stop (Til You Get Enough)*. Selepas itu bersama abangnya Michael memulakan pembikinan album *Thriller* pada 1982.

Album itu bertahan 37 minggu dalam carta, membenihkan empat single yang mendaki tangga pertama termasuk lagu yang diilhamkannya sendiri seperti *Billy Jean*, *Gotta Be Startin' Somethin'* dan *Beat It*.

Produksi itu dijual 46 juta sa-

linan, meletakkannya sebagai antara album terlaris sepanjang zaman.

Michael yang tidak pernah berpuas hati dengan penampilan dirinya malah dianggap bapanya hodoh dan dilabel abangnya sebagai *Big Nose* ketika kecil mula menjalani pembedahan plastik.

Tabloid British menggelarnya sebagai 'Wacko Jacko'. Dia didakwa mengalami permasalahan pemakanan, tidur menggunakan balang oksigen selain kerap muncul di depan khalayak bertopeng.

Pada 1987, melahirkan album *Bad* yang juga meraih kejayaan besar di seluruh dunia namun gagal menyaingi *Thriller* meskipun ketika itu dia bergelut dengan siri promosi jelajah dunia.

Buat pertama kali juga kerjaya seninya tidak lagi menjadi tumpuan utama, berbanding kisah peribadinya yang lebih mencuri perhatian.

Kelahiran *Dangerous* pada 1991 juga tidak terkecuali, namun penurunan jumlah penjualan album berbanding skandal seksual yang terbongkar pada 1993 yang sejak itu memusnahkan karier seninya.

Bagi mengembalikan kegemilangan kerjayanya, Michael dijadual mengadakan 50 konsert di O2 Arena di London bermula 13 Julai. Berikutan kematian mengejutnya, penganjur yang sudah menjangka meraih keuntungan besar kini terpaksa pula mengembalikan wang mereka yang sudah menempah tiket.